


LAPORAN PERKEMBANGAN BAHAGIAN PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT

DEVELOPMENT REPORT OF THE INFORMATION SYSTEM MANAGEMENT DIVISION

Portal Web interaktif®

Perpustakaan melanggan kepada ribuan judul jurnal dan buku elektronik on-line yang dihoskan oleh berbagai pangkalan data. Perpustakaan sedang giat berusaha mengumpulkan pautan kepada sumber elektronik dari berbagai hos ini



Peningkatan Katalog On-line kepada versi Web

Peningkatan katalog on-line kepada versi Web ini sedang giat diusahakan dan pelaksanaannya berada dalam fasa terakhir. Perpustakaan telah membeli sebuah komputer pelayan berprestasi tinggi yang dimuatkan dengan perisian DRAWeb2 yang akan berperanan sebagai penghubung kepada pangkalan data utama dan juga pelayan kepada versi Web ini. Rekabentuk "interface" sedang dijalankan dan sedang dinilai keberkesanannya. Katalog versi Web ini akan dibuka untuk akses umum pada penghujung tahun 2002. Berbanding versi telnet yang digunakan pada masa ini, versi Web membolehkan pengguna menikmati "interface" bergrafik yang mudah diakses menggunakan semua Web browser.

ke dalam sebuah portal Web yang dinamakan **interaktif®**. Portal ini dibangunkan oleh Encik Mahbob Yusof, Ketua Bahagian Pengurusan Sistem Maklumat sebagai menyokong usaha Perpustakaan untuk meningkatkan akses kepada koleksi elektronik ini dan juga meluaskan jangkauan perkhidmatannya menggunakan teknologi Web.

Selain menyediakan pautan kepada koleksi elektronik tersebut, **interaktif®** juga berperanan sebagai medium untuk perkhidmatan penyebaran maklumat terpilih dan semasa kepada pengguna. **Interaktif®** membenarkan pengguna memilih subjek maklumat masing-masing. Pautan kepada koleksi elektronik ini juga boleh ditandakan (*bookmark/favorites*) untuk kemudahan akses berulang. Perkhidmatan on-line melalui portal ini sedang diusahakan.

Portal **interaktif®** ini boleh diakses oleh semua pengguna Perpustakaan yang berdaftar dan telah dibuka kepada akses umum pada Oktober 2002. Pautan disediakan dalam laman Web Perpustakaan.

Projek Pendigitisan Koleksi Kertas Peperiksaan Universiti Malaya

Perpustakaan telah mendigitalkan sejumlah besar koleksi Kertas Peperiksaan UM dan kini boleh diakses melalui Web dalam format PDF (Portable Document Format). Akses terhad kepada pengguna Perpustakaan berdaftar melalui pautan yang disediakan di dalam Portal Web **interaktif®**. Pembinaan metadata koleksi ini sedang giat diusahakan dan pendigitisannya juga akan diteruskan.